



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 13 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	29

Ramadhan: Harga ayam dijangka naik 20-30 sen sekilogram

Oleh ROHANA ISMAIL
utusannews@mediamail.com.my

PASIR MAS: Peniaga ayam di Pasar Besar Bandar Tasek Raja di sini menjangkakan harga bahan mentah itu naik antara 20 sen hingga 30 sen sekilogram menjelang ketibaan Ramadan tidak lama lagi.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, rata-rata peniaga mengakui kenaikan itu berlaku setiap kali tibanya bulan Ramadan.

Seorang peniaga, Kharizan Othman berkata, dia dan rakan-rakan peniaga lain terpaksa menaikkan harga sekiranya pembekal berbuat demikian.

Katanya, jika tidak berbuat demikian mereka berdepan kerugian sekali gus menjejaskan pendapatan untuk menyara keluarga.

"Dua bulan lepas harga ayam sudah naik dan ketika ini saya menjualnya pada harga RM9.80 sekilogram.

"Bagaimanapun, saya tidak mengenakan caj pemetongan jika pelanggan meminta berbuat demikian," katanya ketika ditemui semalam.

Terdahulu, *Mingguan Malaysia* melaporkan bekalan barangan basah terutama sayur, ayam dan telur dijangka berkurangan sehingga 30 peratus menjelang ketibaan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.



KHARIZAN Othman menunjukkan ayam yang dijualnya di Pasar Besar Bandar Tasek Raja, Pasir Mas, Kelantan. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

sekali gus mempengaruhi harga di pasaran.

Sementara itu, Mohd. Zailani Mohd. Zain, 50, berkata, rata-rata peniaga sudah menjangkakan berlaku kenaikan harga ayam menjelang Ramadan.

Dia berharap kenaikan kali ini tidak membebankan pengguna dengan harga luar biasa.

"Jika ayam mahal jualan kami terjejas nanti, semoga kenaikan harga itu tidak membebankan pengguna," katanya.

Azmin personal kontrak import telur secara terus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	4

Azmin persoal kontrak import telur secara terus

Ahli MPT BERSATU dakwa kerajaan beri tender kepada syarikat milik peniaga permaidani

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mendakwa kerajaan memberikan kontrak import telur secara runding terus kepada sebuah syarikat milik peniaga permaidani.

Membuat dakwaan demikian pada program ceramah Perikatan Nasional (PN) malam kelmarin, bekas Menteri Kanan Per-

dagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, penganugerahan kontrak secara terus itu bercanggah dengan janji Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada program di Markas PAS dekat Taman Melewar, Gombak itu, beliau yang juga Ketua Pengerangan Perikatan Nasional (PN), mendakwa Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu turut membawa ahli perniagaan terbabit dalam lawatannya ke India sebelum ini.

Media pada 9 Januari lalu melaporkan Mohamad berlepas ke Namakkal, Tamil Nadu, India, bagi melihat sendiri proses pengeluaran telur ayam yang dieksport ke Malaysia, selain bagi memastikan sumber protein berkenaan bersih, selamat dan lebih murah daripada telur tempatan.

Pada 28 Februari, Menteri Per-

tanian dan Keterjaminan Makanan berkenaan dilaporkan berkata, hanya sebuah syarikat diberi kebenaran mengimport telur dari India dan langkah itu diambil bagi menangani isu kekurangan bekalan telur dalam pasaran tempatan.

Ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Dr Radzi Jidin di Dewan Rakyat, Mohamad mengakui syarikat mengimport telur dari India itu tidak melalui proses tender terbuka kerana urusan terbabit dikategorikan 'kes istimewa'.

Tender terbuka

Mohamed Azmin mempersoalkan mengapa hanya peniaga permaidani itu diberi keistimewaan untuk mengimport telur dari India ke Malaysia.

"Saya nak tanya apa peranan dia? Mana tender terbuka? Kenapa dia saja boleh bawa (import) telur, orang lain tak boleh bawa telur?"

"Sebelum ini, dia (kerajaan) kata nak buat tender terbuka, tidak ada pemberian terus, malah pimpinan ahli Parlimen sudah cabar dalam Parlimen untuk nyatakan siapa dapat kontrak bawa telur dari India ke Malaysia?"

"Tapi dalam Parlimen tidak menjawab, jadi kita bongkarkan," katanya.

Ladang pengeluaran telur dilawati Mohamad di Namakkal terletak lapan jam perjalanan darat dari Lapangan Terbang Chennai di Tamil Nadu, selatan India, turut mengeksport sumber protein itu ke Maldives, Qatar, Oman dan beberapa negara lagi.

Telur dari Namakkal dibawa masuk ke Malaysia mulai 15 Disember lalu melalui penghantaran percubaan. Langkah itu antara inisiatif diambil kerajaan bertujuan menyelesaikan masalah kekurangan bekalan telur ayam di pasaran negara.